

27 JUL 2003

Keamanan-ekspedisi (Bergambar)

ANAK TEMPATAN TEKAD SEBAR MESEJ AMAN DENGAN TUNGGANG MOTOSIKAL RENTASI  
BENUA

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Seorang anak muda tempatan bertekad untuk memulakan misi murni menyebarkan mesej keamanan dunia dengan menunggang motosikalnya merentasi beberapa benua, tidak lama lagi.

Sepanjang pengembaraan sejauh 19,500 kilometer yang mengambil masa 16 minggu itu, Suhaimi Joleman, 37, akan turut mengedarkan poskad mengenai keamanan yang ditandatangani oleh penduduk Malaysia kepada warga asing yang ditemuinya.

"Ia memang sudah menjadi hasrat saya untuk mengembara dengan motosikal dan mengedarkan poskad ini ke seluruh dunia," katanya selepas Presiden Persatuan Bekas Pelajar Maktab Sains Rendah Mara (Ansara), Datuk Mukhriz Mahathir menyampaikan kepadanya 600 poskad dan beberapa hadiah kepada Suhaimi di sini hari ini.

Ekspedisi yang merupakan cetusan idea Ansara itu bagaimanapun dibiayai sendiri oleh Suhaimi, dan setakat ini belum ada mana-mana pihak yang tampil untuk menawarkan pembiayaan misi solonya itu.

"Mungkin saya boleh berbelanja kira-kira RM300 sehari (sepanjang ekspedisi), dan daya perluan kira-kira RM200,000 untuk menjayakan misi ini. Tapi buat masa ini, saya sedang gunakan apa saja tabungan yang saya ada serta sedikit bantuan dari kawan-kawan. Saya tidak punyai bantuan mana-mana syarikat korporat, tapi misi ini akan tetap berlangsung," katanya.

Dalam sidang media selepas majlis penyampaian itu, Mukhriz berkata ia merupakan sebahagian daripada usaha Malaysia untuk memupuk keamanan ke seluruh dunia.

"Kami berikan sokongan penuh kepada misi ini. Kami memainkan peranan yang penting dalam menganjurkan Kongres Aman Malaysia pada bulan Februari dan program ini adalah usaha berterusan untuk menjayakan misi keamanan," katanya.

Suhaimi akan bertolak ke Istanbul, Turki pada 9 Ogos ini sebelum merentasi Eropah, dan dari London beliau akan meneruskan perjalanan ke Afrika - semuanya dengan menunggang motosikal BMW R1100GS miliknya.

Beliau yang sebelum ini pernah menjalani rawatan sakit jantung dan kini sudah pulih sepenuhnya, percaya pengagihan poskad itu akan mengeratkan lagi tali persahabatan antara penghantarnya dari kalangan rakyat Malaysia dengan penerimanya.

Orang ramai yang ingin menghubunginya boleh melawat ke halaman [www.outdoormalaysia.com](http://www.outdoormalaysia.com) dan beliau menjemput lebih ramai rakyat Malaysia untuk menghantarnya lebih banyak poskad.

-- BERNAMA

VP HK AZH